16. The Bank has the right at any time and from time to time, whether or not the Facility has been disbursed or utilized, to:
- (a) review the Facility and any review, if conducted, shall be in the manner reasonably determined by the Bank. Any delay or omission to conduct a review shall not be constructed as a waiver of the Bank's right to review nor prejudice the Bank's right to recover all monies owing;
 - (b) withdraw or not make available the Facility or any part thereof upon the happening of any event which in the Bank's reasonable opinion would affect the Customer's financial position and/or hinder the carrying on of the Customer's business affairs in accordance with sound financial, industrial or commercial standards and practices and/or would jeopardise the Bank's position and/or which is a default in respect of any of the requirements of the Bank; and
 - (c) not release or make available the Facility or any part thereof or cancel or withdraw and/or terminate the Facility immediately upon the Bank becoming aware that the Customer is being/had been investigated or is alleged to be involved and/or had committed any illegal activities or criminal offences of any nature whatsoever or will be or have been allegedly subjected to any prosecution and/or conviction and/or any security in respect of the Facility is subject to or at risk of freezing seizure and forfeiture by the Federal Government and/or other relevant authorities or regulatory bodies.

Interest Charges

17. The Bank reserves the right to vary the prescribed interest rate and the default interest rate at any time and from time to time by giving twenty-one (21) calendar days prior notice to the effective date of such variation. The Bank's notice of variation may be given via letter to the Customer or via Bank's website or any other manner as the Bank decides is appropriate. The variation shall take effect from the date specified in the Bank's notice.

Fees and Charges

18. The Customer agrees to pay and authorises the Bank to debit the Personal Loan Account and/or Deposit Account with the following fees and charges:
- (a) Late payment fee under Clause 11 above;
 - (b) Legal fees (on a Solicitor and Customer basis) and other expenses reasonably incurred by the Bank in the enforcement of its rights and entitlements under the Terms and Conditions and for the recovery of monies owed by the Customer to the Bank under the Personal Loan Account; and
 - (c) Any other reasonable fees and charges imposed by the Bank for services and facilities rendered to the Customer.
19. Notwithstanding the above provisions, the Bank may vary the rate of such fees and charges by giving twenty-one (21) calendar days prior notice to the Customer.

Modification of Instalments

20. The Customer shall not be allowed to vary the Facility Monthly Instalment commencement date, Facility Monthly Instalment and Facility Instalment Period stipulated in the Approval Letter unless prior written approval has been granted by the Bank and such approval may be given subject to such terms and conditions as the Bank may reasonably stipulate.
21. If and whenever the rate of interest payable on the Facility shall be varied, with notice to the Customer, the Bank may make the necessary adjustment consequent upon such variation by varying:
- (a) the Facility Monthly Instalment amount; or
 - (b) the number of remaining Facility Instalment Period; or
 - (c) any other manner as the Bank may reasonably decide.

Prepayment/Cancellation

22. The Customer may prepay the Facility Amount in part at any time. Any amount prepaid shall be considered as advance instalment(s). The Bank is not liable to pay any interest on such advance instalment(s). Notwithstanding that prepayments are made, the Customer shall continue to make the relevant Facility Monthly Instalment regularly and promptly. All prepayments made will not reduce the full Facility Instalment Period or interest charged.
23. Customer must inform the Bank immediately by calling our Maybank Group Customer Care at 1300 88 6688 or sending an email to mbbcardservices@maybank.com.my if Customer has settled the Facility before the expiry of the loan tenure to avoid incurring monthly interest.
24. Unless otherwise agreed by the Bank, any amount prepaid may not be redrawn and shall be applied towards the Customer's payment obligation in inverse order of maturity. In the event that the amount prepaid at any time exceeded the amount drawn on the Facility, the Bank shall not be liable to pay any interest to the Customer.

Disclosure

25. The Customer hereby authorises the Bank and/or its officers to:
- (a) make use of, disclose, divulge or reveal any information relating to his/her Personal Loan Account for purposes of or in connection with any action or proceeding taken for the purpose of recovery of monies due and payable by the Customer to the Bank pursuant to the Terms and Conditions;
 - (b) the disclosure of any information pertaining to the credit standing of the Customer to any other Bank and/or financial institution(s) as is necessary in such manner and to such extent as the Bank shall consider necessary in connection with such queries and to the disclosure of the account number(s) to any other interested person(s)/party(ies); and
 - (c) disclose information to Bank Negara Malaysia regarding the Facility or the Customer's accounts, as may be required, whether pursuant to law or otherwise. The Bank shall not be liable whether directly or indirectly to the Customer or any other person(s) for such disclosure.

Right to Set Off and Consolidate

26. The Bank may set off or transfer any monies standing to the credit of the Customer's accounts with the Bank of whatever description and wherever located towards the reduction and/or discharge of any sum due to the Bank pursuant to the Terms and Conditions by giving seven (7) calendar days prior notice on its intention to set off a credit balance.

Cross Default

27. The Bank has the right to cancel, terminate and demand payment of all sums due and payable in respect of other facilities granted to the Customers by the Bank including but not limited to existing Credit/Charge Card facility with the Bank if an event of default has occurred pursuant to Clause 15 regardless of whether or not such other facilities including but not limited to the Credit/Charge Card(s) are performing facilities.

Amendments of Terms and Conditions

28. The Bank reserves the right at any time and by giving twenty-one (21) calendar days prior notice, to add, alter, delete, modify, change or vary all or any of the Terms and Conditions or to replace wholly or in part the Facility by another scheme, whether similar or not, or to withdraw it altogether. The communication of such variations may be given via letter to the Customer or via Bank's website or any other manner as the Bank decides is appropriate.

Approval of Facility

29. The approval of the application is conditional upon the execution, delivery and perfection of the documents required by the Bank. The Bank may decline the application for the Facility without assigning any reason.
30. The Bank may approve the Facility Amount and the Facility Instalment Period specified by the Customer or such lower Facility Amount and/or shorter Facility Instalment Period as the Bank decides is appropriate. The Bank is not obliged to inform or notify the Customer on the lower Facility Amount and/or shorter Facility Instalment Period prior to approval of the Facility.
31. The Customer acknowledges that the acceptance of the Facility is completed upon the Bank issuing the Approval Letter upon the terms therein contained and crediting the approved Facility Amount into the Deposit Account indicated by the Customer notwithstanding that the Facility Amount remains unused in the Deposit Account. Any differences in the Facility Amount and/or Facility Instalment Period applied for and as finally approved shall not affect the validity of the Terms and Conditions. The submission of the application for the Facility and the issuance of the Approval Letter shall constitute an agreement on the part of the Customer to borrow and for the Bank to make available the Facility subject to the terms in the application, Approval Letter and the Terms and Conditions and no other formal documents are required to be executed further between the Customer and the Bank.

Instalment Calculation

32. Facility Monthly Instalment is derived based on the formula: $[(P \times I \times N) + P] / n$

Where, P = Principal Amount Borrowed

I = Interest Rate per annum

N = Total Number of Instalments in Years

n = Total Number of Instalments in Months

Service of Legal Process

33. The Customer hereby agrees that the service of any Writ of Summons or any legal process in respect of any claim arising out of or connected with the Terms and Conditions may be affected by forwarding a copy of the same by prepaid registered post and a copy of the same by ordinary post to the Customer's address(es) stated in the Facility application form or to such other address(es) notified by the Customer to the Bank from time to time.

Certificate of Indebtedness

34. A certificate signed by the officer of the Bank as to the monies for the time being due and owing to the Bank from the Customer shall be conclusive evidence or proof that the amount appearing therein is due and payable by the Customer to the Bank.

Appointment of Agent(s)

35. The Bank shall have the right by giving seven (7) calendar days prior notice to Customers to appoint and authorise an agent of its choice and on its behalf for the sole purpose of recovering any or all monies due and payable from the Customer to the Bank pursuant to the Terms and Conditions. The Customer hereby authorises the Bank to disclose any information concerning the Customer and his Personal Loan Account to any of its agents duly appointed for the purpose of recovering any or all monies due and payable from the Customer to the Bank pursuant to the Terms and Conditions.

Indemnity

36. The Bank will not be responsible for and disclaims all liability to any actions, claims, loss, damages, costs, charges and expenses which a Customer may suffer, sustain or incur by his/her participation in the Facility which are not caused by any act or fault of the Bank.

Law Applicable

37. The Facility shall be governed by and construed in accordance with the laws of Malaysia and the parties hereto hereby agree to submit to the non exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia at Kuala Lumpur or the courts of such other competent jurisdiction as the Bank may elect to submit.

SYARAT-SYARAT DAN TERMA-TERMA PINJAMAN PERIBADI MAYBANK

Kelulusan dari Malayan Banking Berhad, yang (kemudian ini dirujuk sebagai "Bank") untuk Kemudahan Pinjaman Peribadi Maybank (kemudian dari ini dirujuk sebagai "Kemudahan") kepada Pelanggan ("Pelanggan") adalah tertakluk kepada Terma dan Syarat. Terma dan Syarat ini telah dimaklumkan kepada Pelanggan semasa permohonan untuk Kemudahan dibuat. Pelanggan bersetuju bahawa Terma dan Syarat ini akan mengikat Pelanggan dengan serta-merta setelah Kemudahan diluluskan oleh pihak Bank.

Kelayakan Pelanggan

1. Kemudahan ini tersedia untuk semua Pelanggan yang layak dalam lingkungan umur 21 tahun hingga 60 tahun.

Tafsiran

2. Terma dan Syarat ini, berserta Surat Kelulusan untuk Kemudahan ini dan termasuk juga Terma untuk mana-mana akaun semasa atau akaun simpanan Pelanggan ("Akaun Deposit") yang dikekalkan dengan pihak Bank, adalah termaktub dalam Terma dan Syarat untuk Kemudahan ini ("Terma dan Syarat").
3. Terma dan Syarat di sini adalah sebagai tambahan dan untuk melengkapkan dan bukannya untuk menggantikan atau menjejaskan mana-mana Terma dan Syarat lain yang mengikat Pelanggan dari semasa ke semasa.
4. Jika berlaku apa-apa percanggahan, perselisihan atau perbezaan antara peruntukan tersebut, keputusan munasabah dari pihak Bank berkaitan dengan peruntukan akan digunakan.

Kemudahan

5. Kemudahan ini adalah Kemudahan pinjaman bertempoh tidak bercagar.
6. Perlindungan Insurans, untuk melindungi Kemudahan yang masih belum dijelaskan semasa tempoh pinjaman dan/atau tempoh perlindungan adalah pilihan pelanggan sendiri. Sekiranya Pelanggan telah memilih untuk mengambil perlindungan Insurans, Pelanggan bersetuju untuk membayar dan membenarkan pihak Bank untuk menolak jumlah insurans premium terlebih dahulu daripada Kemudahan sebelum pengeluaran dibuat. Pelanggan boleh mengambil dan mengekalkan perlindungan Insurans dengan Etiqa atau dengansyarikat insurans panel Bank atau lain-lain syarikat Insurans yang berwibawa pilihan Pelanggan yang diluluskan oleh pihak Bank mengikut Terma dan Syarat seperti yang ditetapkan oleh Bank.
7. Sebagai tambahan kepada Akaun Deposit, pihak bank akan mewujudkan satu akaun kemudahan ayng berasingan ("Akaun Pinjaman Peribadi") untuk Pelanggan. Jumlah penuh ("Jumlah Kemudahan") bagi Kemudahan akan didebitkan dari Akaun Pinjaman Peribadi dan dikreditkan ke dalam Akaun Deposit (maka pengeluaran penuh Kemudahan kepada Pelanggan akan dianggap telah disempurnakan) dan Pelanggan berhak untuk mengeluarkan wang tersebut dari Akaun Deposit.
8. Jumlah minima Kemudahan adalah RM5,000.00 pihak Bank dan boleh diubah oleh pihak Bank dari semasa ke semasa dengan diberi notis. Pelanggan boleh memohon dan mengekalkan satu Kemudahan sahaja pada satu masa. Kemudahan yang sedia ada mesti dijelaskan sepenuhnya sebelum Pelanggan boleh memohon Kemudahan yang baru.

Bayaran

9. Pelanggan akan memulakan pembayaran ansuran bulanan ("Ansuran Bulanan Kemudahan") dalam tiga puluh (30) hari dari tarikh pengeluaran Kemudahan. Ansuran Bulanan Kemudahan berikutnya perlu dibayar berturut-turut setiap satu (1) bulan atau pada tarikh lain yang akan ditetapkan dari semasa ke semasa oleh Bank dengan notis kepada Pelanggan.
10. Selama tempoh ansuran Kemudahan ("Tempoh Ansuran Kemudahan"), ayaran balik ("Tempoh Ansuran Kemudahan"), jumlah pokok berserta jumlah faedah mestilah dibayar secara Ansuran Bulanan Kemudahan yang sama seperti dinyatakan di dalam Surat Kelulusan yang turut menyatakan Tempoh Ansuran Kemudahan, jumlah pembayaran bulanan dan maklumat lain yang dihantar kepada Pelanggan apabila Kemudahan diluluskan.
11. Jika Pelanggan gagal untuk membayar mana-mana Ansuran Bulanan Kemudahan apabila ia tertunggak, atau jumlah terhutang di bawah Kemudahan tersebut apabila pembayaran dituntut, pihak Bank berhak untuk mengenakan kadar faedah tambahan pada kadar satu peratus (1% setahun) dan Pelanggan bertanggungjawab membayar caj faedah ke atas jumlah tertunggak yang dikira dari tarikh bayaran tertunggak sehingga tarikh penyelesaian penuh yang dikira sebagai fi pembayaran lewat.
12. Tempoh Ansuran Kemudahan akan ditetapkan oleh pihak Bank dan atas pilihan Pelanggan. Ansuran Bulanan Kemudahan dan tempoh ansuran Kemudahan tidak boleh diubah.
13. Pelanggan mengaku janji untuk membuat pengaturan yang bersesuaian memuaskan bagi pembayaran Akaun Pinjaman Peribadinya menurut Terma dan Syarat ini semasa ketiadaan Pelanggan atau jika berada di luar negara.

14. Pihak Bank berhak untuk menarik balik atau menamatkan Kemudahan dan menuntut pembayaran balik kesemua jumlah wang yang terhutang di bawah Kemudahan ini atau mengubah atau meminda Kemudahan berdasarkan terma-terma yang boleh diputuskan oleh pihak Bank dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pelanggan sebelum tarikh berkuat kuasa bermula. Dalam keadaan di mana pihak Bank menuntut pembayaran semula Kemudahan, Pelanggan bertanggung jawab untuk membayar faedah ingkar tambahan ke atas jumlah Kemudahan tertunggak dan ansuran bulanan kemudahan yang masih belum dibayar setelah tuntutan pembayaran balik dibuat pada kadar faedah yang ditentukan oleh pihak Bank. Faedah ingkar akan terakru atas dasar harian (selepas penghakiman atau perintah Mahkamah dan juga sebelumnya) selama mana masih belum dibayar, akan didebitkan ke dalam akaun Pelanggan pada akhir setiap bulan kalendar dan Pelanggan bertanggung untuk membayar faedah pada kadar faedah ingkar seperti yang diperuntukkan.

Kemungkiran

15. Kemudahan perlu dibayar balik apabila dituntut oleh pihak Bank tanpa menjejaskan hak pihak bank untuk menarik balik Kemudahan apabila diminta, pihak bank mempunyai hak, dengan pemberitahuan notis kepada Pelanggan untuk menarik balik Kemudahan apabila diminta, dan/atau meminta bayaran penuh dalam tempoh tujuh (7) hari jika mana-mana kejadian atau kejadian mungkir berikut berlaku, termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut:
- (a) mungkir dalam membayar jumlah pokok dan/atau faedah dan/atau wang lain apabila telah sampai tempoh masanya dan perlu dibayar;
 - (b) petisyen kebangkrutan dikeluarkan terhadap Pelanggan;
 - (c) Kematian atau hilang kewarasan Pelanggan;
 - (d) sekiranya Pelanggan melakukan kemungkiran di bawah mana-mana peruntukan Terma dan Syarat atau apa-apa perjanjian yang berkaitan dengan akaun-akaun lain atau kemudahan-kemudahan kredit yang diberikan oleh pihak Bank;
 - (e) sekiranya mana-mana maklumat yang diberikan oleh Pelanggan, sama ada semasa membuat permohonan untuk kemudahan ini atau selainnya, adalah tidak benar atau mengelirukan atau tidak merupakan pernyataan yang tepat berhubung dengan fakta berkaitan tentang butiran yang penting pada tarikh ia disediakan;
 - (f) sekiranya pada pendapat munasabah pihak Bank, Akaun Pinjaman Peribadi atau mana-mana akaun Pelanggan dengan pihak Bank yang tidak dikendalikan dengan memuaskan;
 - (g) apa-apa kejadian ataupun rentetan kejadian sama ada ia berkaitan atau tidak, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang perubahan yang teruk dan ketara dalam perniagaan, aset-aset atau situasi kewangan Pelanggan tindakan kekerasan, keganasan, permusuhan, peperangan, darurat nasional, penentangan, revolusi, pemberontakan, rampasan kuasa atau berlakunya apa-apa wabak/pandemik dalam apa bentuk sekalipun atau bencana lain (sama ada ia berlaku di dalam atau di luar negara atau secara langsung melibatkan Malaysia atau mana-mana tempat lain di mana pihak Bank pada masa kini atau dari semasa ke semasa selepas itu mengendalikan dan menjalankan perniagaan dan sama ada bersifat dalam negara atau antarabangsa atau sebaliknya) atau perubahan lain dalam apa keadaan sekalipun yang telah berlaku yang mana pada pendapat pihak munasabah Bank (yang mana pendapatnya adalah muktamad dan terikat kepada Pelanggan):
 - (i) akan atau mungkin menyebabkan ia tidak munasabah atau tidak praktikal bagi pihak Bank untuk menyediakan, mengekalkan atau membiayai Kemudahan itu atau untuk terus berbuat demikian atau untuk membenarkan apa-apa penggunaan untuk penggunaan Kemudahan seterusnya; atau
 - (ii) akan atau mungkin menjejaskan keupayaan atau kesediaan Pelanggan untuk mematuhi atau menuruti apa-apa obligasi di pihak Pelanggan, yang perlu dipatuhi dan dituruti berkaitan dengan Kemudahan atau membuatkan Pelanggan tidak mungkin boleh atau bersedia berbuat demikian.
 - (h) Jika prosiding undang-undang, tuntutan mahkamah walau apa jua jenis pun diambil terhadap Pelanggan; dan
 - (i) sekiranya terdapat sebarang keberhutangan Pelanggan
 - (ii) sekiranya Pelanggan ingkar atau melakukan pelanggaran terhadap sebarang instrumen atau perjanjian yang berkaitan dengan hutang tersebut.

Hak-hak Bank

16. Bank mempunyai hak pada bila-bila masa dan dari masa ke semasa tanpa mengambil kira sama ada Kemudahan di sini telah dikeluarkan atau digunakan untuk:
- (a) mengkaji semula Kemudahan dan apa-apa kajian semula, jika dijalankan, hendaklah dalam cara yang munasabah ditentukan oleh pihak Bank. Sebarang kelewatan atau pengabaian untuk menjalankan kajian semula tidak boleh ditafsirkan sebagai pengecualian hak Bank untuk mengkaji semula mahupun menjejaskan hak Bank untuk mendapatkan kembali semua wang yang terhutang.
 - (b) menarik balik atau tidak menyediakan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya apabila berlaku apa-apa kejadian yang pada pendapat munasabah Bank akan menjejaskan dalam apa jua cara kedudukan kewangan Pelanggan dan/atau yang menghalang pengendalian urusan perniagaan Pelanggan menurut standard dan amalan kewangan, piawaian perindustrian atau komersil dan lengkap dan/atau akan membahayakan kedudukan Bank dan/atau merupakan kemungkiran berhubung dengan apa jua keperluan Bank,
 - (c) tidak mengeluarkan atau menyediakan Kemudahan atau mana-mana bahagiannya atau untuk menarik balik, menamatkan dan/atau membatalkan Kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan dengan serta-merta apabila pihak Bank menyedari bahawa Pelanggan sedang/telah disiasat atau dikatakan terlibat dalam dan/atau telah melakukan apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang atau kesalahan jenayah dalam apa jua bentuk atau akan dikatakan telah dikenakan apa-apa pendakwaan jenayah dan/atau sabitan dan/atau apa-apa jaminan berkenaan dengan Kemudahan akan tertakluk mengalami atau menanggung risiko pembekuan, penyitaan dan pelucutan oleh Kerajaan Persekutuan dan/atau pihak berkuasa atau badan-badan kawal selia berkaitan yang lain.

Kadar Faedah

17. Pihak Bank berhak untuk mengubah kadar faedah yang ditetapkan dan kadar faedah mungkir pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar sebelum tarikh berkuat kuasa. Notis Bank tentang perubahan itu boleh diberikan melalui surat kepada Pelanggan atau melalui laman web Bank atau melalui apa-apa cara lain seperti yang mungkin dianggap munasabah oleh pihak Bank. Perubahan tersebut akan berkuat kuasa dari tarikh yang ditetapkan dalam notis.

Fi dan Caj

18. Pelanggan bersetuju untuk membayar dan membenarkan Bank untuk mendebitkan Akaun Pinjaman Peribadi dan/atau Akaun Deposit dengan di dan caj berikut:
- (a) Fi pembayaran lewat di bawah fasal 11 di atas;
 - (b) Fi guaman (atas dasar rundingan Peguamcara dan Pelanggan) dan perbelanjaan-perbelanjaan lain yang munasabah ditanggung oleh pihak Bank dalam melaksanakan hak-hak dan kelayakan-kelayakan lain di bawah Terma dan Syarat ini untuk mendapatkan semula wang yang terhutang oleh Pelanggan kepada pihak Bank di bawah Akaun Pinjaman Peribadinya; dan
 - (c) Apa-apa fi dan caj lain yang munasabah yang dikenakan oleh Bank bagi perkhidmatan-perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan yang diberikan kepada Pelanggan.
19. Tanpa mengambil kira peruntukan-peruntukan di atas, pihak Bank boleh mengubah kadar fi dan caj tersebut dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari kalendar secara bertulis kepada Pelanggan.

Modifikasi Ansuran-ansuran

20. Pelanggan tidak dibenarkan untuk mengubah tarikh permulaan Ansuran Bulanan Kemudahan, Ansuran Bulanan Kemudahan dan Tempoh Ansuran Kemudahan yang dinyatakan dalam Surat Makluman Kelulusan kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu yang telah diluluskan oleh pihak Bank atau mungkin kelulusan tersebut diberikan tertakluk kepada Terma dan Syarat seperti yang boleh ditetapkan dengan munasabah oleh pihak Bank.
21. Sekiranya pada bila-bila masa kadar faedah yang perlu dibayar untuk Kemudahan diubah, dengan notis kepada Pelanggan, pihak Bank boleh membuat pelarasan yang perlu mengikut pelbagai perubahan dengan:
- (a) amaun Ansuran Bulanan Kemudahan; atau
 - (b) bilangan baki tempoh ansuran Kemudahan; atau
 - (c) apa-apa cara lain seperti yang dianggap munasabah oleh pihak Bank.

Pembayaran Awal/Pembatalan

22. Pelanggan boleh membuat bayaran awal untuk sebahagian daripada jumlah Kemudahan pada bila-bila masa. Apa-apa jumlah yang dibayar awal akan dianggap sebagai ansuran pendahuluan, dan pihak Bank tidak bertanggungjawab untuk membayar sebarang faedah ke atas ansuran pendahuluan tersebut. Walaupun pembayaran awal dibuat, Pelanggan hendaklah terus membuat pembayaran Ansuran Bulanan Kemudahan tersebut secara tepat pada masanya. Kesemua pembayaran awal yang dibuat tidak akan mengurangkan tempoh penuh Ansuran kemudahan atau faedah penuh yang dikenakan.
23. Pelanggan mesti memaklumkan pihak Bank dengan segera dengan menghubungi Perkhidmatan Pelanggan Kumpulan Maybank di 1300 88 6688 atau menghantar e-mel ke mbbcardservices@maybank.com.my sekiranya anda telah meluluskan Kemudahan sebelum tamat tempoh pinjaman untuk mengelakkan timbulnya sebarang caj faedah bulanan.
24. Melainkan dipersetujui sebaliknya oleh pihak Bank, apa-apa jumlah yang diprayayar tidak boleh dikeluarkan semula dan akan digunakan untuk obligasi pembayaran Pelanggan mengikut aturan kemudahan secara songsang. Sekiranya jumlah yang diprayayar pada bila-bila masa melebihi jumlah yang dikeluarkan melalui kemudahan, Bank tidak akan bertanggung untuk membayar apa-apa faedah kepada Pelanggan.

Pendedahan

25. Pelanggan dengan ini memberi kuasa kepada Bank dan/atau pegawai-pegawainya untuk:

- menggunakan, mendedahkan, memberitahu atau memaklumkan apa-apa maklumat berhubung dengan Akaun Pinjaman Peribadinya untuk tujuan atau berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil untuk tujuan mendapatkan kembali wang yang terhutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank di bawah terma dan syarat ini;
- mendedahkan apa-apa maklumat berkaitan dengan kedudukan kredit Pelanggan kepada mana-mana Bank dan/atau institusi kewangan lain seperti yang diperlukan dalam cara dan setakat yang Bank anggap perlu berkaitan dengan pertanyaan-pertanyaan sedemikian dan untuk mendedahkan nombor akaun kepada mana-mana individu/pihak lain yang berkepentingan; dan
- mendedahkan maklumat kepada Bank Negara Malaysia mengenai Kemudahan atau Akaun Pelanggan, seperti yang mungkin diperlukan, sama ada menurut undang-undang atau selainnya. Bank tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung terhadap Pelanggan atau mana-mana pihak lain berhubung dengan pendedahan tersebut.

Hak Untuk Menolak-Selesaikan dan Penyatuan

26. Bank boleh pada bila-bila masa dan tanpa memberikan sebarang alasan dalam notis tujuh (7) hari kalendar, menolak-selesaikan atau memindahkan apa-apa wang yang berada pada kredit dalam akaun Pelanggan bersama Maybank walau apa pun jenisnya dan di mana jua lokasinya untuk mengurangkan dan/atau menjelaskan apa-apa jumlah yang perlu dibayar kepada Bank menurut Terma dan Syarat ini.

Kemungkiran Silang

27. Bank mempunyai hak untuk membatalkan atau menarik balik dan menuntut pembayaran semula kesemua jumlah tertunggak dan patut dibayar berhubung kemudahan-kemudahan lain yang telah diberikan kepada Pelanggan oleh Bank termasuk tetapi tidak terhad kepada kemudahan kredit/caj kad dengan Bank sekiranya kejadian mungkin berlaku selaras dengan peruntukan klausa 15 di sini tanpa mengambil kira sama ada kemudahan-kemudahan lain tersebut termasuk tetapi tidak terhad kepada kad kredit/caj, dikendalikan dengan baik.

Pindaan Terma dan Syarat

28. Bank berhak pada bila-bila masa dan dengan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih, untuk menambah, mengubah, menggugurkan, mengubah suai, menukar atau mengubah semua atau mana-mana Terma dan Syarat tersebut atau menggantikan keseluruhan atau sebahagian daripada Kemudahan dengan skim lain, sama ada setara atau tidak, atau untuk menarik balik Kemudahan keseluruhannya. Pemberitahuan tentang perubahan tersebut boleh diberikan melalui surat kepada Pelanggan atau melalui laman web Bank atau melalui apa-apa cara lain yang dianggap munasabah oleh pihak Bank.

Kelulusan Kemudahan

29. Kelulusan permohonan bergantung pada pelaksanaan, penyerahan dan penyempurnaan dokumen yang diperlukan oleh Bank. Bank boleh menolak permohonan untuk Kemudahan tanpa memberikan apa-apa sebab.
30. Bank boleh meluluskan permohonan untuk jumlah Kemudahan dan tempoh ansuran Kemudahan yang ditetapkan oleh Pelanggan atau jumlah Kemudahan yang lebih rendah dan/atau tempoh ansuran Kemudahan yang lebih pendek seperti yang dianggap sesuai oleh Bank. Bank tidak berkewajipan untuk memaklumkan atau memberitahu Pelanggan tentang jumlah Kemudahan yang lebih rendah dan/atau tempoh ansuran Kemudahan yang lebih pendek itu sebelum Kemudahan diluluskan.
31. Pelanggan dengan ini memperakui bahawa penerimaan permohonan Kemudahan telah disempurnakan sebaik sahaja pihak Bank mengeluarkan Surat Kelulusan Kemudahan untuk terma-terma yang terkandung di dalamnya dan mengkreditkan jumlah Kemudahan yang diluluskan ke dalam Akaun Deposit yang dinyatakan oleh Pelanggan tanpa mengambil kira jumlah kemudahan dalam Akaun Deposit tersebut kekal atau masih tidak digunapakai. Apa-apa perbezaan dalam jumlah Kemudahan dan/atau tempoh ansuran Kemudahan yang dipohon dan seterusnya diluluskan tidak akan memberi kesan kepada kesahan Terma dan Syarat. Penghantaran permohonan untuk Kemudahan dan pengeluaran Surat Kelulusan Kemudahan dengan ini dianggap sebagai satu perjanjian dari Pelanggan untuk meminjam dan pihak Bank untuk menyediakan Kemudahan tersebut menurut terma-terma yang terkandung dalam permohonan, Surat Kelulusan dan terma-terma yang terkandung di sini dan tiada lain-lain dokumen rasmi lanjut diperlukan untuk disempurnakan di antara Pelanggan dan pihak Bank.

Pengiraan Ansuran

32. Ansuran Bulanan Kemudahan adalah dikira berdasarkan formula: $[(P \times I \times N) + P] / n$,
di mana, P = Amaun Kemudahan
I = Kadar Keuntungan setahun
N = Jumlah Bilangan Ansuran dalam Tahun
n = jumlah Bilangan Ansuran dalam Bulan

Penyampaian Proses Undang-undang

33. Pelanggan bersetuju bahawa penyampaian apa-apa Writ Saman atau apa-apa proses undang-undang berhubung dengan apa-apa tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Terma dan Syarat ini boleh dilaksanakan dengan menyerahkan satu salinan apa-apa Writ Saman atau apa-apa proses undang-undang tersebut melalui pos berdaftar prabayar dan satu salinannya melalui pos biasa ke alamat Pelanggan yang dinyatakan dalam borang permohonan Kemudahan atau ke alamat lain seumpamanya seperti yang dimaklumkan oleh Pelanggan kepada Bank dari semasa ke semasa.

Sijil Keberhutangan

34. Perakuan yang ditandatangani oleh pegawai Bank mengenai jumlah keberhutangan pada masa tertentu dan terhutang kepada Bank oleh Pelanggan hendaklah menjadi keterangan atau bukti muktamad bahawa jumlah yang dinyatakan di dalamnya adalah terhutang dan kena dibayar oleh Pelanggan kepada Bank.

Pelantikan Ejen-Ejen

35. Bank berhak memberikan notis tujuh (7) hari kalendar kepada Pelanggan, untuk melantik dan memberi kuasa kepada ejen pilihannya dan bagi pihaknya semata-mata bagi tujuan mendapatkan kembali apa-apa atau semua wang yang terhutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank di bawah Terma dan Syarat ini. Pelanggan dengan ini membenarkan Bank untuk mendedahkan sebarang maklumat yang berkaitan dengan Pelanggan dan Akaun Pinjaman Peribadinya kepada mana-mana ejen yang dilantik untuk tujuan memungut semula wang yang dihutang dan perlu dibayar oleh Pelanggan menurut Terma dan Syarat ini.

Tanggung Rugi

36. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi dan menafikan semua liabiliti dalam apa-apa tindakan, tuntutan, kerugian, ganti rugi, kos, caj dan perbelanjaan yang mungkin dialami, ditanggung oleh atau dikenakan kepada Pelanggan akibat penglibatannya dalam Kemudahanyang tidak disebabkan oleh sebarang tindakan atau kesalahan bank.

Undang-undang

37. Kemudahan ini dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan semua pihak dalam dokumen ini dengan ini bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa tidak eksklusif Mahkamah Malaysia di Kuala Lumpur atau mahkamah dengan bidang kuasa kompeten lain seumpamanya seperti yang Bank boleh memilih untuk mematuhi.

I hereby confirm and agree to be bound by the above Terms & Conditions.* / Dengan ini, saya mengesahkan dan bersetuju untuk menuruti Terma dan Syarat di atas.

Signature of Applicant / Tandatangan Pemohon

IC Number / No. Kad Pengenalan: _____

Date / Tarikh: _____

PDPA Form for Individual Customers
(Borang PDPA Untuk Pelanggan-Pelanggan Individu)

Please complete in BLOCK LETTERS
(Sila lengkapkan dengan HURUF BESAR)

Name: _____
(Nama)

Identification Card Number : _____
(Nombor Kad Pengenalan)

In order to process this application and subsequently to continue performing the contractual agreements entered between you and any entity within Maybank Group, we may need to disclose your personal data to other entities within Maybank Group and other external parties. Maybank Group refers to Malayan Banking Berhad ("Maybank"), including its branches in Malaysia and in other countries as well as its local and overseas subsidiaries. The external parties we disclose your personal data to may include but not limited to (1) governmental and regulatory bodies such as Bank Negara Malaysia and Securities Commission; (2) our business strategic partners; and/or (3) agents and/or outsourcing vendors (collectively, "External Parties"). These External Parties may locate, store, maintain and/or process your personal data within or outside of Malaysia.
(Untuk memproses permohonan ini dan selanjutnya meneruskan perlaksanaan perjanjian-perjanjian kontrak yang dimeterai antara anda dan mana-mana entiti dalam Kumpulan Maybank, kami mungkin perlu mendedahkan data peribadi anda kepada entiti-entiti lain dalam Kumpulan Maybank dan pihak-pihak luar yang lain. Kumpulan Maybank merujuk kepada Malayan Banking Berhad ("Maybank"), termasuk cawangan-cawangannya di Malaysia dan di negara-negara lain serta juga anak-anak syarikat tempatan dan luar negara. Pihak luar yang kami dedahkan data peribadi anda mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada (1) badan-badan kerajaan dan kawal selia seperti Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti; (2) rakan-rakan niaga strategik kami; dan/atau (3) agen-agen dan/atau vendor-vendor penyumberan luar (secara kolektif, "Pihak Luar"). Pihak Luar ini boleh mencari, menyimpan, mengekalkan dan/atau memproses data peribadi anda di dalam atau di luar Malaysia.)

Under the Personal Data Protection Act (PDPA) 2010, we are required to obtain your explicit consent when we collect and process your sensitive personal data. We collect your sensitive personal data in order to assess your application and to administer the products and services that you have signed up for.
(Di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA) 2010, kami dikehendaki memperoleh persetujuan jelas anda apabila kami mengumpul dan memproses data peribadi sensitif anda. Kami mengumpul data peribadi sensitif anda untuk menilai permohonan anda dan untuk mentadbirkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda telah meterai perjanjiannya.)

From time to time, we, other entities within Maybank Group and/ or our strategic partners with whom we have a relationship with for specific products, services and promotions (collectively, "Other Entities") may have information about products, services and promotions that may be of interest to you. To receive such information, your consent is required for us to process, disclose and/or share your information/data with Other Entities. Accordingly, please mark your preference by ticking the appropriate box in the declaration below.
